



UCAPAN BENCI BERKAITAN ISU BANGSA, AGAMA DAN INSTITUSI DIRAJA DALAM MEDIA SOSIAL: ANALISIS LAKUAN BAHASA *Hate Speech on Issues of Race, Religion and Royal Institutions in Social Media: An Analysis of Speech Acts*

¹NURUL AFIFAH ADILA MOHD SALLEH
²MASLIDA YUSOF

¹Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450, Shah Alam, Selangor.

²Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor.

*Corresponding author: afifahadila@uitm.edu.my

Dihantar/Received: 31 July 2025 | Penambahbaikan/Revised: 2 September 2025

Diterima/Accepted: 24 October 2025 | Terbit/ Published: 19 December 2025

DOI: <https://doi.org/10.51200/manu.v36i2.7092>

Abstrak Lakuan bahasa merupakan tindakan yang dizahirkan melalui bahasa, bukan sekadar untuk menyampaikan maklumat, tetapi digunakan untuk melakukan sesuatu. Pengguna media sosial sering menulis pelbagai perkara secara terbuka di platform media sosial dan sudah pasti menggunakan pelbagai jenis lakuan bahasa. Hal ini merupakan satu aktiviti sosial yang memanfaatkan bahasa bagi melaksanakan sesuatu lakuan. Namun, yang menjadi isu pada hari ini ialah penulisan berbaur kebencian berkaitan isu 3R iaitu bangsa, agama dan institusi diraja yang semakin rancak ditulis dan disebar. Ucapan benci merujuk kepada semua bentuk komunikasi yang bersifat menghina, merendahkan, memprovokasi dan mendiskriminasi individu atau kumpulan atas sebab apa pun. Bahasa yang digunakan untuk menulis ucapan benci ini bertujuan untuk menyatakan, menegaskan, bertanya, menzahirkan emosi, memberi amaran, meminta dan pelbagai lagi. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis ucapan benci terhadap isu 3R di Malaysia dari sudut lakuan bahasa. Teori Lakuan Bahasa oleh Searle (1969) dan kaedah kualitatif menerusi analisis kandungan teks dimanfaatkan dalam kajian ini. Platform media sosial iaitu Facebook, Aplikasi X, TikTok dan Threads dijadikan pangkalan untuk mencari data kajian. Kata kunci tertentu seperti benci/hina raja/agama/bangsa digunakan dalam ruangan carian yang tersedia bagi mendapatkan data dari bulan Januari hingga Jun 2025. Hasil kajian menunjukkan bahawa kesemua jenis lakuan bahasa digunakan dalam menyampaikan ucapan benci sama ada melalui ruangan hantaran atau komen kecuali jenis lakuan bahasa deklaratif. Implikasi kajian ini ialah dapat memberikan maklumat berkaitan ucapan benci dari sudut bahasa dan dapat mendedahkan bentuk lakuan bahasa dalam menyampaikan ucapan benci. Ucapan benci berkaitan isu 3R ini harus dielakkan dan dijauhi dari mengucap dan menyebarkannya.

Kata Kunci: Isu 3R, Ucapan benci, Lakuan bahasa, Media sosial, Pragmatik



Abstract Speech acts are actions expressed through language, not just to convey information, but used to do something. Social media users often write various things openly on social media platforms and certainly use various types of speech acts. This is a social activity that utilises language to act. However, what is an issue today is hateful writing related to the 3R issue, namely race, religion and royal institutions, which is increasingly being written and spread. Hate speech refers to all forms of communication that are insulting, demeaning, provoking and discriminating against individuals or groups for any reason. The language used to write this hate speech aims to express, assert, ask, express emotions, warn, request and many more. Therefore, this study was conducted to identify and analyse hate speech on the 3R issue in Malaysia from the perspective of speech acts. Speech Act Theory by Searle (1969) and qualitative methods through text content analysis were utilised in this study. Social media platforms, namely Facebook, the X Application, TikTok and Threads, were used as a base to find study data. Certain keywords, such as hate/insult, the king/religion/race, were used in the search field available to obtain data from January to June 2025. The results of the study showed that all types of speech acts were used in conveying hate speech, either through the posting or comment sections, except for the type of declarative speech act. This study implies that it can provide information related to hate speech from a linguistic perspective and can reveal the pattern of speech acts in conveying hate speech. Hate speech related to the 3R issue should be avoided and refrained from being uttered and spread.

Keywords: 3R issues, Hate speech, Speech acts, Social media, Pragmatic

PENDAHULUAN

Platform media sosial dilihat semakin menjadi tempat yang penting untuk masyarakat berinteraksi, bersosial, menyatakan pendapat, menyebarkan maklumat dan pelbagai lagi aktiviti lain. Menurut Aqida Nuril Salma (2019), media sosial lebih dipercayai oleh masyarakat untuk mendapatkan dan menyebarkan maklumat berbanding platform dalam talian yang lain. Hal ini menunjukkan bahawa media sosial mempunyai pengaruh yang kuat kerana dipilih sebagai platform kegemaran ramai. Berdasarkan data yang dikongsikan oleh Tribunal Malaysia (2025), lebih 25 juta rakyat di Malaysia menggunakan media sosial untuk pelbagai tujuan dengan kehendak sendiri. Situasi ini menunjukkan bahawa media sosial mempunyai kuasa dalam memberikan maklumat dan meyakinkan masyarakat terhadap sesuatu perkara. Sifat media sosial yang mudah, pantas dan percuma secara asasnya merupakan satu kemudahan yang boleh dimanfaatkan oleh masyarakat dengan sebaiknya.

Namun, kemudahan ini sering kali disalahgunakan oleh sesetengah masyarakat dengan perkara yang tidak bermoral seperti menulis dan menyebarkan ucapan benci terutamanya dalam isu 3R (*race, religion dan royalty*) yang begitu sensitif. Menurut Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman et al. (2022), sekiranya media sosial tidak digunakan sebaiknya dengan kawalan dan panduan yang betul, hal ini akan menimbulkan banyak masalah. Aktiviti menulis dan menyebarkan ucapan benci ini semakin rancak dalam media sosial saban hari seolah-olah menggambarkan pelaku tidak memahami dan mempunyai kesedaran berkaitan hal ini (Ku Hasnita Ku Samsu et al., 2024). Berdasarkan *United Nations Strategy and Plan of Action on Hate Speech* (2019), ucapan benci ialah komunikasi secara lisan, bertulis atau tingkah laku yang



bersifat mendiskriminasi atau menghina seseorang atau kumpulan orang atas dasar siapa mereka, agama mereka, asal etnik, kewarganegaraan, bangsa, warna kulit, asal sosial, jantina dan faktor identiti yang lain. Justeru, ucapan benci ini dapat dikaitkan dengan ucapan yang menyentuh isu sensitif 3R iaitu berkaitan bangsa, agama dan institusi diraja yang sering mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Ucapan benci yang menyentuh isu 3R berpotensi mencetuskan konflik antara masyarakat sekaligus mengganggu-gugat kesejahteraan yang telah lama dijalin. *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (2024) dalam laporannya menyatakan bahawa ucapan benci boleh menyebabkan maruah seseorang individu, keharmonian sosial serta kedaulatan undang-undang dalam sesebuah negara demokratik terjejas dengan teruk. Kenyataan ini selari dengan Ismail (2020) bahawa ucapan benci boleh memberikan kesan buruk kepada keselamatan negara dan menjejaskan keharmonian masyarakat. Manakala Wan Amizah dan Muhammad Adnan (2017) juga menegaskan ucapan benci boleh membawa kesan negatif kepada masyarakat dan perlu diatasi dengan segera. Oleh itu, fenomena ucapan benci yang meletus di media sosial harus dihentikan dengan memberikan pendedahan serta pendidikan yang mencukupi kepada semua pengguna media sosial selain kawalan undang-undang yang lebih ketat perlu dilaksanakan sebaiknya.

Antara usaha yang boleh dilaksanakan untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat berkaitan hal ini ialah melalui pendidikan. Pendidikan yang dimaksudkan ialah dengan adanya hasil penyelidikan bidang bahasa iaitu mendedahkan bentuk lakuan bahasa ucapan benci melalui contoh-contoh yang telah ditulis dan dikongsi dalam media sosial. Menurut Austin (1962), lakuan bahasa ialah tindakan yang dilakukan melalui bahasa, bahasa bukan hanya sekadar menyampaikan maklumat tetapi digunakan untuk melakukan sesuatu. Bahasa yang digunakan dalam ucapan benci memiliki ciri khas tertentu yang dapat dikenal pasti melalui fungsi dan bentuk lakuan bahasa. Kajian berkaitan lakuan bahasa ini mampu untuk memberikan pendedahan dan pemahaman kepada masyarakat umum agar mereka sedar dan tidak sewenang-wenangnya mengucapkan benci dalam isu 3R. Melalui laporan Strategi dan Pelan Tindakan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (2019), PBB menggalakkan lebih banyak penyelidikan mengenai penyalahgunaan internet dan media sosial dalam menyebarkan ucapan kebencian. Justeru, kesedaran tentang penggunaan bahasa yang beretika dan menghormati kepelbagaian yang ada, kajian seumpama ini perlu dijalankan dan dirancarkan. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis ucapan benci dalam media sosial seperti Facebook, Aplikasi X, Tiktok dan Threads yang melibatkan isu perkauman, keagamaan dan institusi diraja dalam usaha mendedahkan dan memberikan kesedaran.

SOROTAN LITERATUR

Ramai ahli akademik dalam pelbagai bidang telah menjalankan kajian berkaitan isu 3R dan kesemuanya bersetuju bahawa isu 3R di Malaysia perlu diberikan perhatian kerana ia diucapkan dengan bebas dan mendatangkan kesan yang tidak baik. Melalui kajian terdahulu oleh Khairul Azhar Meerangani et al. (2020), telah membincangkan isu 3R dalam era revolusi industri 4.0. Kemajuan teknologi yang dinikmati telah disalahgunakan oleh masyarakat dengan mengujarkan penghinaan kepada agama, kaum dan institusi diraja secara bebas. Justeru itu, seruan terhadap



masyarakat agar bekerjasama, mengamalkan nilai murni dan menjaga hubungan baik bagi memastikan keharmonian terus kekal dalam pembinaan masyarakat Malaysia.

Kajian lepas oleh Rositah Kambol (2023) mengulas isu 3R daripada sudut perundangan dalam usaha menangani masalah ini. Malaysia sudah mempunyai beberapa perundangan seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Hasutan 1948, Akta Fitnah 1957, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Kanun Keseksaan, serta beberapa statut yang lain dalam menangani isu 3R. Namun, kewujudan undang-undang sedia ada ini belum mencukupi untuk membanteras atau menangani isu-isu 3R yang berlaku. Justeru itu, pengkaji lepas ini mencadangkan agar kerajaan menyemak dan menambahbaik peruntukan sedia ada, menguatkuasakan undang-undang dan menggubal undang-undang atau peraturan baru bagi memastikan isu 3R ini dapat diselesaikan.

Kajian oleh Ku Hasnita Ku Samsu et al. (2024) ini melibatkan seramai 907 responden iaitu pengguna media sosial untuk menyumbangkan kepada data berkaitan. Teknik perbincangan Kumpulan berfokus (FGD) dan teknik temu bual juga dilakukan untuk mendapatkan dan memperkukuhkan hasil kajian. Hasil kajian ini mendapati bahawa tahap kefahaman mereka terhadap ucapan benci ialah tinggi dan positif. Namun, hal ini tidak menggambarkan kesedaran untuk berhenti mengungkapkannya. Oleh itu, cadangan agar mengadakan kempen kesedaran secara menyeluruh dan berterusan harus dilaksanakan.

Kajian terdahulu ini berbeza objektif dan kaedahnya, namun ketiga-tiga merumuskan kajian dengan memberikan cadangan penyelesaian isu ucapan benci ini agar usaha dilakukan untuk memupuk nilai murni dalam kalangan masyarakat, menggubal undang-undang dan menjalankan kempen kesedaran. Kajian ini diusahakan untuk meneliti lakuan bahasa ucapan benci boleh membantu dalam memberikan pendedahan dan kesedaran kepada masyarakat tentang bentuk bahasa yang harus dielakkan. Ucapan benci yang dilontarkan bermula dengan bahasa yang digunakan. Kajian berkaitan lakuan bahasa ini amat penting kerana dapat melihat apakah tindakan seseorang melalui bahasa yang digunakan sama bertanya, menyatakan, mencadangkan, menegaskan, mengekspresi emosi, berjanji dan pelbagai lagi bentuk bahasanya ketika mengungkapkan ucapan benci. Oleh itu, pengkajian daripada sudut bahasa akan mengisi kelompangan yang ada dalam usaha menyokong usaha-usaha sedia ada bagi menangani masalah ini.

Kajian-kajian berkaitan ucapan benci daripada sudut bahasa sudah dijalankan sama ada dari dalam negara atau luar negara. Kajian dari luar negara tidak memberikan fokus kepada isu 3R kerana kebanyakan negara terlibat tidak mempunyai kepelbagaian agama dan kaum serta tiada institusi diraja seperti negara Malaysia. Oleh itu, kajian-kajian luar negara ini lebih menumpukan ucapan benci dalam isu-isu umum yang berpotensi mengganggu ketenteraman awam melalui pelbagai platform media sosial. Antara kajian yang dimaksudkan ialah kajian oleh Rama Yunita Pratama et al. (2023), Frivia Munjidatul laily et al. (2023), Suresha Parera et al. (2023), Agim Poshka (2018), Maria Mintowati & Hans Yosef Tandra Dasion (2019), Aish Albladi et al. (2025) dan lain-lain.




Kajian ucapan benci berkaitan isu 3R dari sudut pandang bahasa di Malaysia amatlah kurang kuantitinya. Antara kajian lepas yang ada ialah kajian oleh Nurul Afifah Adila Mohd Salleh dan Amirah Ahmad (2024), Nurul Afifah Adila Mohd Salleh dan Maslida Yusof (2025) dan Nor Hashimah Jalaluddin (2025) yang memfokuskan sebetulnya kepada bentuk bahasa. Oleh itu, kajian ucapan benci dalam isu 3R dari sudut pengkajian bahasa perlu diperbanyakkan dalam menyahut seruan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu agar masyarakat lebih memahami dan mempunyai kesedaran tentang hal ini. Penyelidikan ini amat penting kerana masyarakat akan lebih peka terhadap bentuk lakuan bahasa ucapan benci dan mengelakkan diri daripada mengungkapkannya.

Konsep Lakuan Bahasa Searle (1969)

Konsep lakuan bahasa telah diperkenalkan oleh Austin (1962) dalam buku yang ditulis olehnya berjudul *How to Do Things with Words*. Austin berpendapat bahawa lakuan bahasa ialah sesuatu ujaran yang boleh digunakan untuk melakukan sesuatu. Pengguna media sosial boleh menggunakan bahasa untuk menyampaikan pernyataan, nasihat, berjanji, menyoal, memberi amaran dan sebagainya. Austin juga turut mengemukakan peringkat asas lakuan bahasa iaitu lokusi, ilokusi dan perlokusi. Lokusi ialah lakuan pengucapan yang berfungsi untuk menceritakan sesuatu iaitu melafazkan ujaran. Ilokusi pula ialah lakuan niat pengucapan yang berfungsi untuk melakukan sesuatu perkara contohnya meminta atau menolak. Manakala perlokusi pula ialah lakuan tindak balas pengucapan yang berfungsi untuk menyempurnakan sesuatu ujaran iaitu hasil atau kesan yang timbul oleh ujaran terhadap pendengar. Ketiga-tiga peringkat asas lakuan bahasa ini amat penting untuk memahami fungsi lakuan bahasa secara keseluruhan.

Searle (1969) mengembangkan ilmu lakuan bahasa dengan mencipta pengkategorian lakuan bahasa kepada lima iaitu representatif, direktif, komisif, ekspresif dan deklaratif. Searle telah meneliti tindakan atau perlakuan yang dilakukan melalui bahasa iaitu bagaimana sesuatu ujaran sebenarnya ialah perlakuan. Mengucapkan sesuatu merupakan perlakuan kerana penutur bukan sahaja menghasilkan ucapan, namun turut menghasilkan satu lakuan melalui ujaran. Searle juga turut menekankan bahawa ucapan sesuatu bahasa dapat difahami dengan lebih baik apabila dikaitkan dengan konteks terjadinya ucapan tersebut. Niat juga adalah sesuatu yang penting dalam lakuan bahasa untuk menginterpretasikan makna ujaran. Niat dapat dikenal pasti melalui ucapan yang disampaikan sama ada secara eksplisit atau implisit.


Berdasarkan pandangan Austin dan Searle, dapat dirumuskan bahawa melalui ucapan seseorang sama ada secara lisan atau tulisan, fungsi komunikasi iaitu lakuan bahasa dapat dikenal pasti. Melalui ucapan, pelbagai fungsi komunikasi seperti menyapa, mencadangkan, memberi amaran, bersetuju dan lain-lain dapat dilihat. Hal ini menunjukkan bahawa ucapan yang secara asasnya terikat dengan sistem tatabahasa namun dapat juga menjelaskan lakuan yang ingin diperkatakan kepada pendengar ketika menyampaikan sesuatu komunikasi. Terdapat beberapa tokoh pragmatik yang telah mengkategorikan jenis lakuan bahasa. Antaranya ialah searl (1969) dengan lima kategori LB, Bach dan Harnish (1979) dengan empat kategori LB, Searle dan Vanderveken (1985) dengan lima kategori LB dan pelbagai lagi. Kajian ini memilih teori lakuan bahasa Searle (1969) dan pengkategorianya adalah seperti di bawah.



Rajah 1
Pengkategorian Lakuan Bahasa oleh Searle (1969)

Berdasarkan Rajah 1 di atas, lakuan bahasa terbahagi kepada lima jenis iaitu representatif, direktif, komisif, ekspresif dan deklaratif. Lakuan bahasa representatif ialah ujaran yang menghuraikan bentuk hubungan (*state of affairs*). Representatif juga dapat difahami sebagai tindakan menyatakan keadaan hakiki dan mengungkapkan kata-kata yang sesuai dengan kepercayaannya tentang dunia. Contohnya, negara Malaysia kaya dengan kepelbagaian agama dan bangsa, kasut ini membuatkan saya berjalan laju atau saya yang melanggar pasu bunga ini. LB representatif ini termasuklah lakuan seperti menyatakan, menyimpulkan, mengadu, bersumpah, menafikan, mengaku, menegaskan dan sebagainya. Justeru, dapat disimpulkan bahawa LB representatif ialah lakuan bahasa untuk tujuan menyatakan atau mengungkap apa yang dipercayai.

LB Direktif ialah ucapan yang memberikan kesan tindakan yang akan dilakukan oleh pendengar disebabkan niat pengucapan oleh penutur. Lakuan bahasa ini menggambarkan tindakan penutur akan membuatkan pihak lawan tutur melakukan sesuatu seperti yang diperkatakan (Searle, 1969). Oleh itu, hasrat yang diujarkan oleh penutur akan dijadikan alasan untuk pendengar bertindak. Contohnya ucapan seperti minta alihkan kereta awak ke tempat lain, awak kena pastikan kerja ini siap atau jangan pijak kawasan rumput ini. Berdasarkan ketiga-tiga contoh ini jelas menunjukkan bahawa berlakunya arahan melalui ucapan penutur dan menyebabkan pihak kedua akan bertindak. Antara indikator lain di bawah LB direktif ini termasuklah lakuan menasihati, melarang, meminta, menyuruh, dan sebagainya.



Komisif merupakan ujaran yang mempertanggungjawabkan penutur melakukan sesuatu yang dijanjikan pada masa akan datang. Dalam erti kata lain, komisif akan mengikat penutur kepada sesuatu tindakan yang perlu dilaksanakan (Searle, 1969). Lakuan bahasa komisif ialah tingkah laku yang mewajibkan atau mungkin tidak mewajibkan seseorang untuk melakukan sesuatu yang dimaklumkan seperti lakuan berjanji, menawarkan, bersumpah, memberi jaminan, berikrar dan sebagainya. Contohnya ucapan seperti kami akan datang ke kampung awak pada minggu depan, saya jamin barang ini tidak mudah pecah atau kalau kamu beli dua, saya bagi percuma satu. Ketiga-tiga contoh ujaran ini jelas menunjukkan bahawa penutur perlu bertanggungjawab dan melaksanakan seperti apa yang diperkatakan.

Lakuan bahasa ekspresif merupakan ucapan untuk mengekspresikan sesuatu yang dirasakan oleh penutur (Searle, 1969). Pendek kata, LB ekspresif ini ingin menunjukkan keadaan atau suasana hati penutur terhadap sesuatu perkara. Antara emosi yang dapat dizahirkan melalui lakuan bahasa ini ialah emosi sedih, gembira, teruja, menghargai, marah dan sebagainya. Contoh ujaran LB ekspresif ialah “tahniah! akhirnya awak berjaya mendapat pingat emas”, “terima kasih kerana mendengar luahan hati saya” atau “saya turut berdukacita atas pemergiaan ibu kamu”. Ketiga-tiga ujaran ini menggambarkan emosi gembira, menghargai dan sedih. Lakuan bahasa ekspresif ini tidak hanya ingin menyampaikan maklumat, namun lebih kepada penyampaian perasaan dan emosi penutur.

Lakuan bahasa (LB) deklaratif pula ialah ujaran yang akan menyebabkan satu perubahan segera berlaku. Perubahan ini akan mengubah status sesuatu entiti dalam keadaan semasa yang diinstitusikan (Searle, 1969). Selepas LB ini diucapkan, secara langsung akan menyebabkan berlakunya perubahan dari satu keadaan asal kepada satu keadaan atau situasi yang baru. Hal ini bermakna bahawa tindakan ujaran tersebut akan mencipta atau mengubah keadaan atau fakta sedia ada. Contohnya Perdana Menteri Malaysia mengumumkan PKP dikuatkuasakan mulai esok, seorang naib cancellor universiti mengumumkan pemakaian pekeliling baharu atau hakim di mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa defendan bersalah dan dikenakan denda. Jika diperhatikan, ketiga-tiga contoh ini menunjukkan ujaran deklaratif yang disampaikan oleh seseorang yang berpengaruh dan sejurus selepas ujarannya, satu perubahan berlaku iaitu PKP dilaksanakan, pemakaian pekeliling baharu dan defendan didenda.

METODOLOGI

Data kajian ini dikenal pasti daripada platform media sosial iaitu Facebook, aplikasi X, TikTok dan Threads. Kata kunci tertentu seperti benci/hina raja/agama/bangsa ditaip dalam ruangan carian bagi mendapatkan hantaran dan komen berkaitan. Bagi tujuan kajian ini, data yang diambil hanyalah yang dimuat naik dalam hantaran atau komen mulai bulan Januari hingga Jun 2025. Penetapan tempoh ini bertujuan untuk mendapatkan data yang terbaru dan terkini yang mungkin berkaitan isu semasa pada tahun 2025. Jumlah data yang didapati bagi tempoh enam bulan ini mencukupi bagi tujuan mencapai objektif kajian ini. Hal ini kerana, dalam tempoh enam bulan ini, data yang dijumpai adalah mewakili hampir kesemua kategori lakuan bahasa yang merangkumi ketiga-tiga isu iaitu isu bangsa, agama dan institusi diraja. Kepelbagaian lakuan bahasa ucapan benci yang dijumpaikan ini dilihat telah mencapai objektif kajian iaitu mengenal pasti dan menganalisis lakuan bahasa yang berunsurkan kebencian dalam isu 3R.



Kajian ini berpandukan kepada teori Lakuan Bahasa oleh Searl (1969) bagi melihat bentuk bahasa yang digunakan dalam ucapan benci. Teori ini mempunyai lima kategori utama iaitu LB representatif, LB deklaratif, LB Ekspresif, LB komisif dan LB direktif. Namun begitu, jenis lakuan bahasa deklaratif tidak dijumpai dalam data kajian ini kerana jenis lakuan bahasa ini merupakan tindakan yang menyebabkan berlakunya perubahan status sesuatu keadaan. Ujaran lakuan bahasa deklaratif akan mencipta atau mengubah keadaan atau fakta sedia ada. Kebiasaannya jenis lakuan bahasa ini diujarkan oleh entiti yang berautoriti atau berkuasa seperti Perdana Menteri, hakim, Naib Canselor dan lain-lain. Oleh sebab itu, jenis lakuan bahasa deklaratif ini tidak dijumpai dalam data media sosial kerana ujaran di media sosial tidak berbentuk deklaratif dan diucapkan, oleh majoriti masyarakat umum.

Setiap kategori ini mempunyai konsep tersendiri untuk mengenal pasti jenisnya sama ada disampaikan secara eksplisit atau implisit. Walaubagaimanapun, ucapan benci yang disampaikan dengan tidak menggunakan kata kerja performatif, akan diteliti berdasarkan niat yang terkandung dalam ucapan benci tersebut melalui kata, frasa, klausa atau keseluruhan ayat. Teori lakuan Bahasa oleh Searle (1969) ini amat sesuai untuk mengkaji data komunikasi di platform media sosial berkaitan ucapan benci.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Berdasarkan pencarian data mulai bulan Januari hingga Jun 2025, banyak ucapan benci telah ditemui dalam platform media sosial seperti Facebook, aplikasi X, TikTok dan Threads. Penemuan ini menggambarkan ucapan benci tidak pernah surut ditulis dan disebar oleh masyarakat melalui platform-platform tersebut. Bagi mencapai objektif penyelidikan ini, proses pengenalpastian telah dijalankan dan contoh-contoh ujaran benci telah disenaraikan serta dianalisis dalam bahagian ini. Hanya ucapan-ucapan benci yang terpilih sahaja dianalisis mewakili jenis-jenis lakuan bahasa yang ada bagi menampakkan bentuk lakuan bahasa. Ucapan benci yang telah dikenal pasti juga merangkumi ketiga-tiga isu iaitu bangsa, agama dan institusi diraja. Namun, melalui penelitian pengkaji, isu bangsa dan agama lebih banyak diperkatakan dan ditulis di media sosial berbanding isu institusi diraja. Hal ini kerana, secara zahirnya, perbezaan bangsa dapat dilihat dengan ketara di Malaysia dari sudut warna kulit dan stereotaip, manakala bagi agama pula, perbezaan dari sudut pengamalan agama yang ketara. Bagi isu institusi diraja pula, kurang disentuh kerana rakyat berkemungkinan takut dengan tindakan undang-undang, kekuasaan raja serta sokongan kuat rakyat kepada raja. Di bawah ialah data terpilih yang disenaraikan secara terperinci mengikut kategori isu.

Ucapan Benci Berkaitan Agama

Ucapan benci berkaitan agama antara isu 3R yang sering timbul dan paling sensitif di media sosial. Malaysia sebagai sebuah negara yang bebas beragama sudah tentu mempunyai pelbagai agama yang dipercayai seperti agama Islam, Hindu, Buddha, Kristian, Sikh dan lain-lain. Namun malangnya, segelintir masyarakat suka mempersendakan atau menghina agama lain di media sosial dan perkara ini adalah suatu masalah yang amat serius. Hal ini sudah semestinya menimbulkan sengketa dalam kalangan masyarakat. Isu menghina agama kerap berlaku mutakhir ini dan sememangnya boleh mencetuskan suasana yang tidak harmoni (Nisar Mohammad Ahmad, 2022). Ucapan benci berkaitan agama telah disampaikan dengan menggunakan pelbagai



jenis lakuan bahasa bagi tujuan-tujuan tertentu yang disengajakan. Berdasarkan data yang didapati, empat daripada lima jenis lakuan bahasa digunakan dalam menyampaikan ucapan benci berkaitan agama iaitu representatif, direktif, komisif dan ekspresif. Jadual 1 di bawah menunjukkan contoh ucapan benci berkaitan agama bagi setiap jenis lakuan bahasa.

Jadual 1
Ucapan Benci Berkaitan Agama

Data	Ucapan benci	Jenis lakuan bahasa	Fungsi	Media sosial
D1	kerana sebuah buku donggeng zaman kuno, maka dihalal lah alasan2 kahwin budak belum cukup umur...! #Babi	Representatif	Menyatakan	Facebook
D2	alololololo mana tuhan kau? tak kan sembah patung kot? patung tu bole bercakap kaaa? kalau bole bercakap bagi video aku nak tengok patung berhala bercakap. tak malu dasar menumpang	Direktif	Bertanya	TikTok
D3	taktik hindu macam zionist. Claim tanah org, usir penduduk asal. Aku janji agama hindu x akan aman selamanya.	Komisif	berjanji	Aplikasi X
D4	sedih betullll kapir baik macam mana sekalipun tetap masuk neraka, sia2 agama kapir	Ekspresif	Sedih	Aplikasi X

D1 ialah ucapan benci berkaitan agama yang menggunakan jenis lakuan bahasa representatif. Berdasarkan data, D1 menyampaikan ucapan benci dengan menulis berkaitan al-Quran yang dikatakan sebagai sebuah buku donggeng yang terkandung perkara-perkara menyesatkan seperti kebenaran untuk berkahwin di bawah umur. Seperti yang dikatakan oleh Searle (1969), bahawa lakuan bahasa representatif ialah penutur mengungkapkan kata-kata dengan kepercayaannya. Justeru itu, penulisan D1 ini adalah berdasarkan pengetahuan dan kepercayaan penulis semata-mata. Fungsi ucapan D1 ini dapat dilihat dengan jelas ialah untuk menyatakan pendapatnya berdasarkan apa yang diketahuinya tanpa usul periksa. Walaupun ucapan ini sekadar untuk menyatakan, namun ia tetap merupakan ucapan benci yang harus dielakkan daripada mengucapkannya kerana pasti mendatangkan marah daripada orang yang beragama Islam. Hal ini kerana, al-Quran ialah kitab suci dan panduan kepada orang yang beragama Islam dan sudah semestinya akan menimbulkan kemarahan bagi orang Islam apabila ada individu yang cuba menghina al-Quran.

D2 pula ialah ucapan benci jenis lakuan bahasa direktif. Seperti yang dinyatakan oleh Searle (1969), lakuan bahasa direktif ialah ucapan yang menyebabkan pihak lawan tutur melakukan sesuatu berdasarkan hasrat penutur. Dalam ucapan D2, terdapat tiga pertanyaan yang ditanya oleh penulis dan memerlukan jawapan iaitu maklum balas daripada pihak kedua. D2 bertanya “mana tuhan kau? tak kan sembah patung kot? patung tu bole bercakap kaaa? Pertanyaan ini menggambarkan hasrat penutur menginginkan jawapan daripada wakil atau kumpulan agama tersebut. Ini merupakan suatu arahan iaitu direktif melalui pertanyaan yang diberikan. Justeru itu, jelaslah bahawa ucapan benci D2 dinyatakan secara direktif iaitu pertanyaan yang memerlukan jawapan. Namun, pertanyaan yang diajukan ini sungguh sensitif



dan tidak wajar ditanya kerana menggambarkan penulis menghina tuhan iaitu patung yang disembah oleh agama tersebut. Sekaligus penulis telah menghina kepercayaan agama tersebut.

D3 pula merupakan lakuan bahasa komisif berkaitan agama kerana ujaran ini ditandai dengan perkataan “janji”. Pada awalnya, D3 membuat kenyataan bahawa agama Hindu di Malaysia seperti Zionist kerana mengambil tanah bukan miliknya dan seolah mengusir penduduk asal keluar. Kemudian, D3 berkata bahawa dia berjanji akan mengusir mereka yang beragama Hindu keluar dari Malaysia. Perkataan “janji” dapat disimpulkan sebagai satu lakuan komisif. Hal ini kerana komisif ialah ucapan yang menyebabkan penutur perlu bertanggungjawab melaksanakan apa yang diperkatakan. Komisif seolah-olah mengikat penutur untuk melakukan tindakan yang dijanjikan sama ada wajib atau tidak. Dalam konteks D3, penulis mengujarkan perkataan “janji” kerana dilihat sangat marah dengan penganut agama Hindu, sehingga penulis seolah-olah tanpa sedar meletakkan tanggungjawab untuk melaksanakan apa yang diperkatakan iaitu memastikan agama Hindu tidak akan aman. Walau bagaimanapun, ucapan benci jenis komisif seperti D3 harus dielakkan kerana sudah tentu berbentuk hinaan dan mendatangkan kesan yang buruk antara kaum yang terlibat. Menyamakan agama Hindu dengan Zionist adalah melampau kerana Zionist pada pandangan dunia amat kejam melihat kepada tindakannya kepada penduduk Palestin.

D4 pula ialah ucapan benci jenis ekspresif yang menyentuh tentang isu agama. Penulis dilihat menzahirkan rasa sedih terhadap orang kafir kerana tetap akan masuk ke neraka walaupun baik dan menyatakan agama kafir sebagai sia-sia. Perkataan “sedih” yang terkandung dalam ucapan ini jelas menunjukkan penulis bersedih dengan hal yang diperkatakan. Lakuan bahasa ekspresif ialah ucapan untuk mengekspresikan apa yang dirasakan oleh seseorang (Searle, 1969). Justeru itu, ucapan D4 jelas menunjukkan ucapan benci yang disampaikan secara lakuan ekspresif. Namun begitu, penulis tidak sepatutnya mengekspresikan emosi dengan mengucapkan kebencian sebegini kerana akan menimbulkan salah faham serta ketidakpuashatian oleh pihak kedua. Menyatakan penghinaan kepada orang kafir iaitu bukan beragama Islam secara terbuka boleh mendatangkan kemarahan mereka.

Ucapan Benci Berkaitan Bangsa

Di Malaysia, terdapat tiga bangsa utama iaitu bangsa Melayu, India dan Cina serta beratus etnik terutamanya di Sabah dan Sarawak. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), bangsa ialah jenis atau kumpulan manusia daripada satu asal keturunan. Oleh itu, setiap bangsa pasti menyayangi bangsanya dan mempunyai rasa ingin menjaga serta mempertahankan bangsanya sendiri. Ucapan benci berkaitan bangsa merujuk kepada ucapan yang menghina kepada mana-mana bangsa di negara Malaysia. Ucapan ini sudah semestinya akan menimbulkan rasa tidak puas hati dan rasa tercabar oleh bangsa terlibat yang mengetahui atau membacanya. Situasi ini malah boleh mengundang kepada keinginan untuk merespans atau memberi tindak balas dengan emosi. Maka berlakulah ketegangan dan hal ini pasti menjejaskan keharmonian antara bangsa di Malaysia. Jadual 2 di bawah menunjukkan contoh ucapan benci yang menggunakan jenis lakuan bahasa representatif, direktif, komisif dan ekspresif yang telah dimuat naik oleh pengguna-pengguna media sosial.



Jadual 2
Ucapan Benci Berkaitan Bangsa

Data	Ucapan benci	Jenis lakuan bahasa	Fungsi	Media sosial
D5	terima kasih dan cium lah kaki cina cina tu. Kalau takda cina, malaysia punya ekonomi level thailand takpun indo je. Sebab diorang banyak business lah malaysia punya Ringgit masih tak teruk sangat 🙄 nak harapkan melayu, HAMPEH! Merempit jer!	Ekspresif	Terima kasih	Threads
D6	know your place Indians, dasar bangsa pendatang tak kenang budi.	Direktif	Nasihat	Aplikasi X
D7	Disimpulkan anak cina yg bodoh dan malas spm diorang pergi mabuk dan memantat. anak melayu yang bodoh dan malas jadi grab.	Representatif	Menyimpulkan	Facebook
D8	Type M malaya banyak main rasis	Representatif	Menyatakan	Facebook

D5 merupakan contoh lakuan bahasa ekspresif iaitu penulis menzahirkan emosi terima kasih kepada kaum Cina. Hal ini kerana, penulis beranggapan bahawa kaum Cina telah banyak menyumbangkan kepada ekonomi negara terutamanya dalam urusan perniagaan. Perkataan terima kasih yang terkandung dalam ucapan D5 ini tidak dapat disangkal lagi merupakan lakuan bahasa ekspresif. Namun, ucapan benci yang disampaikan secara ekspresif ini pasti akan mengguris hati kaum Melayu kerana dalam ucapan tersebut tidak hanya ingin menzahirkan emosi terima kasih semata-mata. Namun sebaliknya penulis ingin membanding-bezakan dengan kaum Melayu yang dikatakan tidak boleh diharap dari sudut sumbangan ekonomi kepada negara. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa ucapan lakuan bahasa ekspresif D5 ini berbaur ucapan benci kerana ternyata menghina kaum Melayu yang dikatakan tidak boleh diharap.

D6 mengucapkan ucapan benci berkaitan bangsa dengan menggunakan lakuan bahasa direktif. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, lakuan bahasa direktif ialah suatu arahan yang akan menyebabkan pihak kedua bertindak seperti yang diarahkan. Antara subkategori lakuan bahasa direktif ialah nasihat. Sekiranya seseorang memberikan nasihat, hal ini bermaksud orang yang memberikan nasihat mahukan pihak yang mendengar nasihat melakukan seperti yang dinasihati. Ucapan D6 iaitu “*know your place indians*. dasar bangsa pendatang tak kenang budi”, jelas menunjukkan satu nasihat yang disampaikan oleh penulis kepada pihak yang dimaksudkan iaitu bangsa India. Penulis dilihat menasihati orang India supaya tahu dan sedar akan kedudukan mereka dan turut menyatakan bahawa India tidak mengenang budi. Cuma, nasihat ini tetap dianggap ucapan benci kerana bahasa yang digunakan seolah-olah menghina bangsa India supaya sedar diri dan menyelar bahawa bangsa India tidak mengenang budi.

D7 pula ialah ucapan benci yang disampaikan melalui lakuan bahasa representatif. Ujaran “disimpulkan anak cina yg bodoh dan malas spm diorang pergi mabuk dan memantat, anak melayu yang bodoh dan malas jadi grab” ditandai dengan kata “disimpulkan” yang jelas menunjukkan lakuan bahasa representatif iaitu menyimpulkan. Penulis menyimpulkan bahawa



anak bangsa Cina yang bodoh dan malas, mereka suka minum arak dan berzina, manakala anak Melayu yang bodoh dan malas, mereka akan bekerja “grab”. Lakuan bahasa menyimpulkan ini ternyata mengandungi unsur kebencian kerana kesimpulan yang dinyatakan bersifat stereotaip iaitu memukul rata bahawa anak bangsa Cina dan Melayu bodoh dan malas serta akibatnya.

Data D8 pula merupakan ucapan benci berkaitan bangsa yang menyatakan bangsa Melayu rasis melalui ucapan “Type M malaya banyak main rasis”. Walaupun ucapan D8 ini ringkas, tetapi jelas menunjukkan penulis membuat kenyataan berdasarkan kepercayaan dan pengetahuannya bahawa bangsa Melayu bersifat rasis. Kenyataan umum berbaur kebencian ini amatlah bahaya kerana tidak bersumberkan perkara yang benar. Justeru, dapat disimpulkan bahawa, D8 merupakan ucapan benci yang disampaikan dengan menggunakan lakuan bahasa representatif.

Ucapan Benci Berkaitan Institusi Diraja

Institusi diraja di Malaysia merupakan entiti penting yang melambangkan perpaduan dan kedaulatan negara selain memelihara agama Islam dan adat Melayu. Nazri Muslim (2014) juga menyatakan bahawa raja berperanan sebagai pentadbir agama Islam dan negara. Institusi diraja ini terdiri daripada raja-raja Melayu yang dilantik sebagai ketua negara dan Yang di-Pertuan Agong. Namun apa yang terjadi pada hari ini ialah terdapat masyarakat yang berani menghina dan mempersoalkan kedudukan raja. Wan Amizah & Muhammad Adnan (2017) menegaskan bahawa isu penghinaan terhadap raja-raja dalam media baharu semakin berleluasa dan membimbangkan. Berdasarkan data kajian ini, kebanyakan ucapan benci kepada raja banyak menggunakan lakuan bahasa direktif iaitu arahan. Hal ini kerana, raja yang berpengaruh dan kedudukannya lebih tinggi daripada rakyat, menyebabkan rakyat banyak mengujarkan lakuan seperti nasihat, bertanya, meminta, menyuruh dan sebagainya. Rakyat seolah-olah menginginkan jawapan dan tindakan daripada pihak diraja, sebab itulah jenis lakuan bahasa direktif digunakan. Selari dengan Searle (1969) yang menyatakan bahawa lakuan bahasa direktif akan menyebabkan pihak kedua bertindak balas seperti apa yang diperkatakan oleh penutur. Selain lakuan bahasa direktif, lakuan bahasa representatif dan ekspresif turut digunakan dalam menyampaikan ucapan benci berkaitan isu institusi diraja ini.

Jadual 3
Ucapan Benci Berkaitan Institusi Diraja

Data	Ucapan benci	Jenis lakuan bahasa	Fungsi	Media sosial
D9	kat mana undang2 Malaysia...? Ramai yang berselindung di bawah Payung Kuning yang sudah koyak ke?	Direktif	Bertanya	TikTok
D10	raja pon x funtion	Representatif	Menyatakan	Facebook
D11	sedih, Takde pembelaan pon dari semua pemimpin termasuk yang 9 ekot payung kuning tu, xde berfungsi	Ekspresif	Sedih	Threads
D12	jadi kenapa tak nak tegur sultan pahang untuk buat sesuatu? sultan adalah 'pelindung bumiputera' kan? sultan buat apa selama ni? buat bodo ke? atau kerja keras sakau duit rakyat ke?	Direktif	Bertanya	Aplikasi X



Data D9 dan D12 merupakan ucapan benci terhadap raja yang disampaikan dengan lakuan bahasa direktif. Kedua-dua ucapan ini menunjukkan lakuan bahasa bertanya yang pasti menuntut jawapan daripada pihak kedua. Dalam ucapan D9, penulis bertanya tentang di mana undang-undang Malaysia? dan adakah masyarakat berselindung di bawah payung kuning yang sudah koyak? Istilah payung kuning sememangnya merujuk kepada institusi diraja. Oleh itu, lakuan bahasa pertanyaan ini seolah-olah telah menghina raja dengan menyatakan keadaan payung yang sudah koyak, berkemungkinan yang dimaksudkan ialah sudah tidak berfungsi. Mempersoalkan berkaitan raja yang tidak berfungsi adalah satu penghinaan kepada institusi diraja, seolah-olah golongan raja tidak menjalankan tanggungjawabnya kepada rakyat dan negara. Hal ini sama juga dengan ucapan D12 yang bertanya tentang fungsi sultan untuk rakyat. Terdapat empat pertanyaan yang berbeza dalam ucapan D12 ini. Soalan-soalan dalam D9 dan D12 ini tidak sepatutnya ditanya kerana ia merupakan ucapan kebencian yang jelas menunjukkan penghinaan kepada pihak institusi diraja di Malaysia.

D10 pula ialah ucapan benci jenis lakuan bahasa representatif iaitu penulis sekadar menyatakan sesuatu. Penulis dilihat membuat tuduhan dengan menyatakan bahawa raja tidak berfungsi. Hal ini mungkin merujuk kepada isu atau masalah yang sedang dibincangkan lalu menyatakan raja tidak berfungsi iaitu tidak mengambil Tindakan terhadap hal tersebut.

D11 iaitu ucapan benci jenis lakuan bahasa ekspresif yang dinyatakan terhadap isu raja. Ucapan penulis ialah “sedih, takde pembelaan pon dari semua pemimpin termasuk yang 9 ekot payung kuning tu, xde berfungsi”. Ucapan ini mengandungi perkataan “sedih” yang dapat dilihat dengan jelas emosi penulis. Namun, emosi yang dizahirkan oleh penulis ini amat jelas berunsur kebencian kerana sedang menghina raja sebagai pemimpin yang tidak membela nasib rakyat. Penulis tidak menyatakan bukti bahawa memang benar raja tidak berfungsi. Oleh itu, hal ini akan menyebabkan fitnah dan ini adalah satu tindakan menghina raja.

Berdasarkan ketiga-tiga jadual data ucapan benci kepada bangsa, agama dan institusi diraja, jelas menunjukkan lakuan bahasa digunakan dalam menyampaikan ucapan benci. Pelbagai bentuk lakuan bahasa telah digunakan oleh masyarakat untuk menghina dan merendahkan 3R di Malaysia. Bentuk-bentuk bahasa ini dapat dijadikan panduan agar masyarakat sedar bahawa ucapan benci ini sememangnya membawa konotasi yang negatif dan tidak baik serta perlu dielakkan.

KESIMPULAN

Rumusannya, kajian ini membuktikan bahawa pelbagai jenis lakuan bahasa digunakan dalam menyampaikan ucapan benci berkaitan isu 3R di platform media sosial. Jenis lakuan bahasa yang terlibat ialah representatif, ekspresif, komisif dan direktif. Kepelbagaian bentuk lakuan bahasa yang digunakan ini menunjukkan bahawa pengguna media sosial menzahirkan kebencian dengan pelbagai lakuan seperti meminta, menasihati, menyoal, menegaskan, menyimpulkan, menyatakan dan sebagainya. Kesemua lakuan ini mempunyai niat dan tujuan tertentu yang sudah pastinya perlu dikekang kerana ucapan benci ini boleh menjejaskan keharmonian negara dan menjadi suatu norma yang harus dihentikan. Kajian berkaitan ucapan benci dari sudut bahasa ini berupaya memberikan pendedahan kepada masyarakat tentang bentuk bahasa yang digunakan



dalam ucapan benci. Kajian ini berpotensi untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai corak bahasa ucapan benci yang perlu dielakkan kerana boleh mengancam bangsa, agama dan institusi diraja. Meskipun kajian ini memfokuskan kepada aspek kebahasaan, namun impaknya tetap ada kepada pelbagai pihak seperti ahli akademik, Masyarakat umum, pengguna media sosial dan pihak berkuasa kerajaan. Masyarakat perlu tahu bahawa konflik boleh tercetus akibat perkongsian dan penyebaran penulisan yang bersifat kebencian di platform media sosial.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini ditaja oleh Kementerian Pengajian Tinggi melalui *Fundamental Research Grant Scheme Early Career* (FRGS-EC/1/2024/SSI01/UITM/02/2). Jutaan terima kasih diucapkan kepada penaja atas peluang dan ruang yang diberikan untuk menjalankan kajian ini. Semoga kajian ini memberikan manfaat meluas kepada bidang ilmu, masyarakat dan negara.

RUJUKAN

- Aish Albladi, Minarul Islam, Amit Das, Maryam Bigonah, Zheng Zhang, Fatemeh Jamshidi Mostafa Rahgouy, Nilanjana Raychawdhary & Cheryl Seals. (2025) Hate speech detection using large language models: A comprehensive review. *IEEE Access*, 13, 20871-20892.
- Aqida Nuril Salma. (2019). Defining digital literacy in the age of computational propaganda and hate spin politics. The 10th International Graduate Students and Scholars. *KnE Social Sciences*, 323–338.
- Austin, J. L. (1962). *How to do things with words*. Harvard University Press.
- Bach, K. & Harnish, R. (1979). *Linguistic communication and speech acts*. MIT Press.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2010). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2025). Ujaran benci, ujaran tidak sopan dan akal budi Melayu. *Jurnal Bahasa*, 25(1), 75-98.
- Ismail, M. M. (2020). Dinamika integrasi politik melalui kerjasama politik di Malaysia: Teras kepada tapak integrasi masyarakat multi-etnik. *Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 47(3), 332-358.
- John R. Searle & Daniel Vanderveken. (1985). *Foundations of illocutionary logic*. Cambridge University Press.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Analisis data dalam penyelidikan kualitatif*. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 3. Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim.
- Khairul Azhar Meerangani, Adam Badhrulhisham & Ahmad Faqih Ibrahim. (2020). Pengaruh 3R (Race, Religion, Royalty) terhadap keharmonian masyarakat di Malaysia era revolusi industri 4. *International Seminar on Contemporary Fiqh Series Advances in Social Science, Education and Humanities Research*.
- Ku Hasnita Ku Samsu, Mohd Mahadee Ismail, Lee Yok Fee, Ratna Roshida Ab Razak, Arfah Ab Majid, Mohd Sabri Md. Nor & Zatul Himmah Adnan. (2024). Tahap kefahaman mengenai kenyataan berbaur kebencian di media sosial dalam kalangan masyarakat Malaysia. *Sains Insani*. 9(2), 246-257.
- Laily, F. M., Kurniyah, H. R., & Suryani, Y. (2023). Ujaran kebencian pada kolom komentar akun tiktok team mafia pentol pusat. *Faidatuna*, 4(3), 07–19.



- Nurul Afifah Adila Mohd Salleh & Amirah Ahmad. (2024). Lakuan bahasa kebencian dalam media sosial terhadap isu 3R. *Persidangan Linguistik ASEAN ke-6*. Malaysia Tribune. (2025). <https://malaysiatribune.news/rencana/mpd-mcmc-kumpul-data-pengguna-demi-rakyat-bukan-untuk-intipan/>
- Maria Mintowati & Hans Yosef Tandra Dasion. (2019). Hate speech: forensic linguistics study. *Proceedings of the Social Sciences, Humanities and Education Conference (SoSHEC 2019)*.
- Nazri Muslim. (2014) Institusi Raja-Raja Melayu: Peranannya dalam memelihara kedudukan Islam dari sudut perlembagaan. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)*, 2(2), 121-127.
- Nisar Mohammad Ahmad. (2022). Penghinaan terhadap agama dan konsep kebebasan bersuara: Analisis daripada perspektif islam dan undang-undang di Malaysia. *International Seminar on Philosophy, Civilisations, Ethics, and Islamic Turath (I-Stet) E-Prosiding Seminar Antarabangsa Falsafah, Tamadun, Etika dan Turath Islami (I-Stet)*.
- Nurul Afifah Adila Mohd Salleh & Maslida Yusof. (2025). Penulisan bersifat kebencian terhadap isu bangsa, agama dan institusi diraja dalam media sosial: Analisis jenis lakuan bahasa. *Persidangan Antarabangsa Pengajian Kemanusiaan Kali Ke-3 (PAPK2025)*.
- Perera S, Meedin N, Caldera M, Perera I & Ahangama S. (2023). A comparative study of the characteristics of hate speech propagators and their behaviours over Twitter social media platform. *Heliyon*. 9(8).
- Poshka Agim. (2018). Language and hate speech aspects in the public sphere; case study: Republic of Macedonia. In *SEE Review*, pp. 3(1), 90-96.
- Rama Yunita Pratama, Apriliani Putri,ENZARI PUSPANINGTYAS, Jessyca Simbolon, & Linda Ayu Kartika. (2023). Analisis ujaran kebencian di media sosial terhadap Denise Chairesta dalam kajian linguistik forensik. *Jurnal Motivasi Pendidikan dan Bahasa*, 1(4), 190–200.
- Rositah Kambol. (2023). Menangani isu-isu sensitif berkaitan, agama, bangsa dan institusi raja (3R) dalam politik melalui pendekatan undang-undang: Suatu penilaian semula. *Journal of Law & Governance*. 5(1), 86-104.
- Searle, J. R. (1969). *Speech acts: an essay in the philosophy of language*. Cambridge University Press.
- Syed Abdul Rahman, S. M. H., Ramli, M. A., Sa'ari, C. Z., Norman, A. A., Mamat, M. A., & Mohd Azhar, M. H. (2022). Penggunaan media sosial baharu: Isu-isu dan panduan perspektif Islam. *Jurnal Usuluddin*, 50(1), 69–92.
- UNESCO. (2024, June 12). *What you need to know about hate speech*. <https://www.unesco.org/en/countering-hate-speech/need-know>
- United Nations. (2019). *United Nations strategy and plan of action on hate speech*. <https://www.un.org/en/hate-speech/un-strategy-and-plan-of-action-on-hate-speech>
- Wan Amizah Wan Mahmud & Muhammad Adnan Pitchan. (2017). Media baharu dan institusi raja di malaysia: kes penghinaan raja-raja di media sosial. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*. 33(1), 406-422.



BIOGRAFI

Nurul Afifah Adila Mohd Salleh, PhD merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM), kampus Shah Alam, Selangor, Malaysia. Bidang ilmu yang beliau minati ialah pragmatik bahasa Melayu dan Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing.

Maslida Yusof merupakan Profesor Madya di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor, Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah semantik dan pragmatik bahasa Melayu.